

18 OCT 2000

Malaysia-Indonesia (Fokus Berita)

MALAYSIA-INDONESIA TINGKAT HUBUNGAN DUA HALA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

LANGKAWI, 18 Okt (Bernama) -- Pulau ini yang terkenal dengan legenda Mahsuri merakamkan satu lagi episod bersejarah minggu ini apabila menjadi tempat pertemuan pemimpin dari dua negara yang berjiran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid semalam memenuhi komitmen mereka untuk bertemu setiap enam bulan bagi meningkatkan hubungan Kuala Lumpur-Jakarta.

Walaupun pertemuan itu bersifat tidak formal, kedua-dua pemimpuin itu membincangkan pelbagai isu meliputi penghantaran pulang pendatang tanpa izin Indonesia dari Malaysia, kerjasama dalam mencari gali minyak dan gas serta mempromosikan pulau Batam di Indonesia sebagai Bandaraya Asean.

Di pentas global, mereka menyuarakan kebimbangan dunia mengenai keganasan yang meruncing di Asia Barat dengan mendesak Israel menghentikan tindakan ketenteraan terhadap penduduk Palestin dan menggesa kedua-dua pihak meneruskan rundingan damai.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak berkata pertemuan itu boleh membantu Mesyuarat Perundingan Bersama (JCM) yang diadakan oleh pegawai dari kedua-dua negara.

"Walaupun singkat, kedua-dua pemimpin telah memanfaatkan masa yang berharga itu untuk membincangkan pelbagai isu," kata Ahmad Fuzi kepada Bernama di lapangan terbang di sini hari ini untuk mengucapkan selamat jalan kepada Abdurrahman yang berlepas ke Hong Kong dalam perjalanan ke Seoul untuk menghadiri Mesyuarat Asia Eropah (ASEM).

Wimar Witoelar, jurucakap Presiden Indonesia, bersetuju bahawa pertemuan itu telah membawa hasil.

"Persekitaran cukup sesuai dan para pemimpin berasa tenang untuk membincangkan pelbagai perkara," kata beliau dalam wawancara dengan Bernama.

Keadaan cukup tenang untuk membincangkan isu-isu penting seperti masalah keselamatan, sosial dan ekonomi yang ditimbulkan oleh pendatang tanpa izin Indonesia yang mencari pekerjaan di Malaysia tetapi akhirnya mengganggu.

"Oh ya, memang masalah selalu timbul, sekarang mari kita duduk untuk membincangkannya," kata Wimar.

Jakarta telah bersetuju untuk menanggung bersama kos penghantaran pulang pendatang tanpa izin Indonesia dari Malaysia.

Menteri Guna Tenaga dan Transmigrasi Indonesia Alhilal Hamdi berkata, pihak berkuasa memang tidak menggalakkan rakyat Indonesia dari memasuki Malaysia, atau negara lain, secara haram untuk mencari pekerjaan.

"Sebagai langkah jangka pendek, di Indonesia sekarang, di daerah-daerah, kita dorong buat peraturan pengiraman tenaga kerja, baik ke Malaysia mahupun tempat-tempat lain. Lebih baik mereka pergi dengan izin yang rasmi. Di masa akan datang kurangi akses dan buat prosedur tenaga kerja lebih mudah dan tidak birokratis agar orang lebih memilih menjadi tenaga legal.

Satu lagi kesan positif daripada pertemuan itu ialah keinginan Indonesia untuk mempelajari pengalaman Malaysia membuka dan menguruskan zon-zon perdagangan bebas.

Abdurrahman memberitahu persidangan media selepas pertemuan itu semalam bahawa Indonesia ingin mempelajari pelaksanaan zon seumpama itu di Langkawi dan Labuan yang terbukti membawa kejayaan.

Mencontohi zon perdagangan bebas di Malaysia amat berguna kepada usaha Indonesia untuk memperkenalkan Batam sebagai bandaraya Asean, yang masih pada peringkat awal, kata jurucakap presiden yang baru dilantik itu.

"Banyak aspek yang boleh dipelajari seperti penubuhan pihak berkuasa bebas e ...dan sudah tentu modelnya berlainan tetapi kebanyakan komponen

masih serupa," kata beliau.

-- BERNAMA

AZZ AZZ RYN FAZ